KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	19/11/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	TNB			

lokal

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur



TNB lancar Tabung WTP untuk bantu rakyat terkesan akibat pandemik Covid-19.



NORHASHIMAH bersama tiga anaknya antara penerima bantuan Tabung WTP inisiatif TNB.



BAHARIN

'RINGAN BEBAN SAYA'

Ibu tunggal lega terima bantuan TNB menerusi Tabung WTP

"Alhamdulillah. Saya sangat bersyukur dengan bantuan yang diterima tepat pada saat saya benar-benar memerlukannya," kata ibu tunggal Norhashimah Abdul Wahab, 33.

Menurut ibu kepada tiga anak berusia satu hingga tujuh tahun itu, dia tidak menyangka menjadi penerima bantuan sekali gus meringankan beban ditanggungnya.

Katanya, dengan bekerja sebagai pengasuh, pendapatannya itu tidak dapat menampung perbelanjaan terutama kos pengangkutan untuk membawa anak bongsunya Muhammad Afiq Anaqi, berusia setahun tiga bulan yang menghidap *Dandy Walker Syndrome* ke hospital.

"Semasa menerima bantuan, ketika itu saya memang memerlukan bantuan kewangan untuk membayar kos pengangkutan ke Hospital Kuala Lumpur setiap tiga bulan dan Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) Seremban setiap bulan untuk pemeriksaan dan rawatan susulan.

"Selebihnya, saya gunakan untuk membayar bil utiliti dan keperluan rumah serta anak lain.

"Terima kasih banyak saya ucapkan kepada Tenaga nasional Berhad (TNB) atas bantuan yang diberikan ini. Ia benar-benar meringankan beban saya," katanya yang menetap di Seremban 2, Negeri Sembilan.

Norhashimah antara penerima bantuan Tabung Warga TNB Prihatin (WTP) iaitu wadah untuk warga kerja syarikat berkaitan kerajaan (GLC) berkenaan untuk terus membantu rakyat yang memerlukan dalam suasana pandemik yang berlanjutan, selari dengan kesungguhan TNB menerangi kehidupan penduduk negara ini.

Tabung WTP dilancarkan pada 9 Jun lalu dengan matlamat mengutip sumbangan daripada warga kerja TNB melalui potongan gaji bulan Jun dan Julai secara sukarela untuk diagihkan kepada golongan rentan di seluruh Semenanjung.

Penerima manfaat dipilih berdasarkan senarai golongan B40 membabitkan Orang Kurang Upaya, e-Kasih, JKM dan PPRT (di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat), Pusat Zakat Negeri dan maklum balas warga kerja TNB.

TNB memulakan penyerahan bantuan kepada rakyat yang terkesan akibat pandemik Covid-19 di seluruh Semenanjung, khususnya golongan B40 menerusi WTP pada 20 Jun 2021.

Daripada jumlah kutipan tabung sebanyak RM3.41 juta setakat 9 November lalu, sebanyak RM3.29 telah disalurkan kepada penerima daripada pelbagai bangsa dan agama di Semenanjung Malaysia.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB Datuk Ir Baharin Din berkata, pihaknya percaya ramai dalam kalangan masyarakat yang terjejas untuk meneruskan kelangsungan hidup berikutan pandemik ini.

"Saya yakin ramai yang terkesan dari pelbagai sudut akibat pandemik ini. Terjejas atau kehilangan pendapatan memberi impak besar bukan sahaja kepada individu, malah kepada ahli keluarga masing-masing.

"Diharap sumbangan serba sederhana dan ikhlas daripada warga kerja TNB ini dapat sedikit sebanyak meringankan beban mereka," katanya.